

Title : Melayu dalam Pemikiran Abdullah Badawi (Pemikiran Pemimpin: Pemetaan dan Perbandingan Ontologi)

Author(s) : Ida Mustafa, Masfufa Tahir & Rohani binti Abdul Kadir

Institution : School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia

Category : Article

Topic : Culture, Multiculture, Ethnic

Publisher :

‘Melayu’ dalam Pemikiran Abdullah Badawi

APA CIRI DAN TAKRIF

Bagi tajuk ‘Melayu’ dalam Pemikiran Abdullah Ahmad Badawi, fokus perbincangan adalah merujuk kepada aspek penglibatan beliau dalam arena politik dan khususnya pemikiran beliau terhadap ‘Melayu’ dalam era 2000 hingga kini. Dalam menyentuh tentang perihal orang-orang Melayu atau Bumiputera, khususnya di Malaysia, ia banyak berkait rapat dengan isu-isu perpaduan atau integrasi kaum yang sering diwarwarkan kini.

Jika dilihat dari segi sejarah, Tanah Melayu telah lama dijajah oleh bangsa asing contohnya pihak Inggeris. Selama hampir 500 tahun bangsa Melayu dijajah dan hal ini adalah disebabkan oleh perpecahan dalam kalangan bangsa itu sendiri. Akibat daripada perpecahan bangsa Melayu dan penjajahan ke atas mereka menyebabkan, bangsa Melayu telah dipecah-belahkan mengikut tempat tinggal, daerah, negeri malah suku kaum, ideologi dan juga parti politik. Maka, jurang pemisah yang besar terbentuk di antara golongan yang tinggal di bandar dengan yang tinggal di desa.

‘Melayu’ adalah segolongan bangsa peribumi yang berasal dari Tanah Melayu atau dengan lebih tepat lagi sebagai penghuni asal Tanah Melayu. Penyatuan orang Melayu bukan sahaja penting dalam konteks mengembalikan semula kekuatan politik dan sosioekonomi umat Islam

tetapi dalam usaha untuk membentuk perpaduan di peringkat nasional dan di antara pelbagai kaum di negara ini.¹

Jika dilihat daripada penyatuan ini, jelas bahawa orang Melayu perlu kembali kepada asas penyatuan yang telah digariskan oleh al-Quran, apatah lagi bagi mereka yang beragama Islam kerana dalam Islam, manusia adalah bersaudara.

Dalam konteks negara Malaysia yang hidup dalam keadaan berbilang kaum ini, isu-isu seperti hidup dalam keadaan bersatu-padu, bertolak-ansur, tolong-menolong, hormat-menghormati dan sentiasa mengamalkan sikap bertoleransi tanpa menimbulkan isu-isu sensitif demi menjaga keharmonian dan kemakmuran bangsa dan negara sendiri, bukanlah sesuatu yang baru.

¹ Dewan Masyarakat, Mac 2001 : hlmn. 12

MENGAPA? FAKTOR-FAKTOR YANG DIANALISIS

‘Melayu’ dalam pemikiran Abdullah Ahmad Badawi adalah berkenaan dengan bumiputera Melayu yang masih bergantung kepada kerajaan melalui budaya subsidi. Oleh itu, beliau telah menyatakan agar semua usahawan Melayu hendaklah mengikis budaya bergantung pada kerajaan supaya dapat bersaing di alaf baru khususnya persaingan di peringkat antarabangsa yang mempunyai kemahiran yang lebih tinggi dan berkualiti.

“Budaya subsidi dan terlalu bergantung kepada kerajaan perlu dikikis daripada minda setiap usahawan Melayu jika mereka mahu menjadi usahawan yang berjaya di alaf baru ini”.²

Beliau juga berpendapat bantuan yang mereka perolehi daripada kerajaan tidak akan menjamin kejayaan seseorang usahawan dan kejayaan ini pula adalah bergantung kepada sikap dan nilai yang merupakan formula kejayaan sebenar. Sikap orang usahawan Melayu iaitu berkerja keras, bekerja menetapi waktu dan berdisiplin semasa bertugas yang masih kurang dalam diri setiap usahawan Melayu.

Setiap usahawan Melayu menurut beliau juga adalah setiap daripada mereka hendaklah dapat menyesuaikan diri dengan perubahan struktur ekonomi yang telah pun memasuki era globalisasi dan penggunaan teknologi maklumat yang begitu meluas. Untuk itu juga, mereka hendaklah membuat persediaan dan memaanfaatkan sepenuhnya penggunaan teknologi maklumat supaya menjadi lebih dinamik, kompetitif dan mampu menghasilkan barangan bertaraf dunia

² Utusan Malaysia, 28 Januari 2000

khasnya dalam industri berat seperti pembuatan kenderaan dan alat elektronik supaya dapat diperbaiki lagi. Ia bukan sahaja bagi industri berat tetapi juga peranan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sebagai komponen utama dalam pembangunan industri. Usahawan Melayu sendiri seharusnya memajukan industri ini supaya boleh berkembang dan dapat bersaing dengan industri lain.

“Dalam memasuki alaf baru ini, penyesuaian terhadap perubahan struktur ekonomi negara juga perlu dilakukan oleh usahawan Melayu. Mereka perlu bersedia menghadapi perubahan ekonomi yang sudah memasuki era globalisasi dan penggunaan teknologi maklumat yang canggih”³

Bagi beliau juga atau dalam pemikiran beliau juga, bukan sahaja usahawan Melayu harus mengikis kebergantungan terhadap kerajaan tetapi juga bagi syarikat-syarikat Melayu. Memandangkan hal ini masih berterusan maka kerajaan telah bertindak mengurangkan bantuan dan sokongan pada syarikat Bumiputera supaya mereka dapat berdikari dan beroperasi dengan lebih cekap. Jika tidak syarikat-syarikat ini akan terus bergantung dan menjadikan kerajaan sebagai tulang belakang mereka.

Keputusan ini telah dibuat oleh Pak Lah sendiri supaya masalah ketidakcekapan dapat dielakkan terutamanya dalam penggunaan teknologi maklumat yang sememangnya syarikat Melayu jauh ketinggalan di belakang berbanding dengan kaum lain di Malaysia. Amat penting

³ Usahawan Melayu dinasihat kakis budaya subsidi, Utusan Malaysia, 28 Januari 2000

bagi syarikat ini supaya tidak bergantung pada kerajaan dan amat penting supaya dapat bersaing tanpa layanan istimewa daripada kerajaan.

Untuk berjaya, orang Melayu mesti berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh untuk menguasai semua bidang ini jika bangsa Melayu mahu dihormati oleh bangsa-bangsa lain dan tidak dipandang rendah oleh mereka. Hal ini kerana, sekiranya kita mempunyai agama tetapi tiada negara maka, agama tidak akan dapat diamalkan. Sekiranya pula, negara kita masih dijajah maka, agama tidak akan dapat dipertahankan. Sekiranya, agama ada dan negara merdeka, tanpa ilmu pengetahuan, impian bangsa kita tidak akan tercapai, apatah lagi jika bangsa kita ketandusan ekonomi.

Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi juga telah memuji usaha yang telah dilakukan oleh pihak Center for Intelektual Promotion and Technological Advancement (CIPTA) yang telah menganjurkan Seminar Intelektual Muda Melayu yang bertemakan “Kecemerlangan Minda Muda Melayu” pada 22-24 Mac 2002, yang bertempat di Ilham Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Menurut Pengerusi CIPTA, Tuan Haji Zein Isma Haji Ismail, seminar yang telah diadakan yang julung-julung kalinya itu, telah berjaya mengumpulkan seramai 90 orang pelajar lelaki dan perempuan dari semua Institut Pengajian Tinggi Awam seluruh negara. Pelajar-pelajar yang aktif dalam bidang ko-kurikulum adalah terpilih dan yang paling penting sekali ialah mereka yang mencapai keputusan akademik yang paling cemerlang iaitu, mendapat sekurang-kurangnya CGPA 3.5 dan ke atas.

Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak CIPTA telah mendapat pujian daripada Y.A.B Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam menggembelingkan tenaga golongan Intelektual Muda Melayu ke arah satu matlamat dan wadah perjuangan demi bangsa, agama dan negara tercinta menerusi kecemerlangan dalam bidang pendidikan dan penyelidikan.

Orang Melayu sendiri merupakan bangsa yang pernah maju suatu ketika dahulu. Begitu menurut beliau. Mereka terkenal kerana mempunyai minda dan daya intelek yang tinggi. Datuk Azhar Mansor umpamanya salah seorang pelaut yang terbaik kerana telah berjaya mengelilingi dunia secara solo dan menongkah arus. Syarikat-syarikat yang diterajui oleh anak-anak Melayu contohnya Petronas, Gloden Hope, Guthrie, Telekom Malaysia dan lain-lain sedang membuka tapak dan asas yang kukuh di peringkat antarabangsa.

CIPTA merupakan sebuah organisasi kerajaan yang ditubuhkan atas hasrat untuk menjana sebuah organisasi berwibawa dan dihormati. Hal ini kerana, ia adalah bertujuan untuk berikhtiar, merancang dan melaksanakan beberapa program yang berkesan termasuklah seminar seperti ini bagi menggerak dan meningkatkan budaya kecendakawanan yang saintifik dan progresif dalam kalangan masyarakat.

Golongan intelek muda yang hadir dalam seminar ini adalah menjadi pelopor dan perintis kepada penubuhan Gagasan Intelek Muda Melayu (GIMM) yang akan ditubuhkan tidak lama lagi. Hal ini ekoran daripada sumbangan besar daripada CIPTA dan juga badan-badan bukan kerajaan atau NGO yang lain khususnya bagi orang-orang Melayu. Pak Lah juga selaku

Penaung CIPTA telah memberikan persetujuan beliau untuk menjadi penanggung kepada GIMM juga.

BAGAIMANA / SASARAN TERSURAT DAN TERSIRAT

Daripada pandangan beliau tadi, pekara yang tersurat adalah syarikat bumiputera hendaklah mempunyai persediaan rapi bagi menghadapi proses liberalisme perdagangan supaya dapat bersaing di peringkat antarabangsa dan bagi mengelakkan sektor awan dan sektor swasta dikuasai oleh kuasa asing. Orang Melayu sendiri tidak seharusnya takut untuk menceburkan diri dalam bidang perindustrian kerana jika tidak orang Melayu sendiri yang akan ketinggalan.

*“Keupayaan mewujudkan ekonomi domestik yang kukuh merupakan jalan terbaik dalam usaha menghadapi proses globalisasi dan liberalisme tidak lama lagi. Jika saranan kita untuk keadilan dan kesaksamaan dalam ekonomi global tidak diterjemahkan dalam bentuk tindakan, kita perlu memastikan ekonomi negara kita mampu bertahan dan terus berkembang”.*⁴

Usahawan Melayu pula hendaklah memahami dan mengenal pasti segala bentuk cabaran yang bakal dihadapi supaya mereka mampu mengatasinya. Cabaran daripada persaingan kaum lain dan cabaran teknologi sebenarnya membantu mereka menyiapkan diri supaya boleh berdaya saing dan maju yang secara tidak langsung akan membantu meningkatkan kualiti, kemahiran dan kepakaran mereka dalam setiap industri yang diceburi.

Budaya subsidi pula jika terus diamalkan oleh usahawan Melayu dan syarikat bumiputera akan menggagalkan matlamat untuk mewujudkan usahawan Melayu yang mampu bersaing. Ini

⁴ Noraini Abdul Razak, TPM: Bumiputera harus berdikari, Utusan Malaysia, 22 Februari 2000

juga bertujuan supaya mereka belajar berusaha sendiri tanpa bergantung pada pihak lain walau ada kalanya ia perlu supaya usahawan Melayu dan syarikat bumiputera tidak terkubur apabila menghadapi sebarang masalah

➤ Tersurat mengenai perpaduan Melayu

Jika dilihat daripada tindakan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu) yang telah mengemukakan tuntutan terbuka 83 perkara yang kononnya “dibuat atas dasar kepentingan perpaduan dan kemajuan negara...”⁵. Jelas bahawa, sebahagian daripada tuntutan-tuntutan tersebut menyentuh hak dan keistimewaan orang-orang Melayu. Tetapi, satu rundingan yang telah dilakukan oleh Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Hussein dengan Suqiu berjaya. Malah, Timbalan Perdana Menteri pada masa itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata bahawa perkara itu sebagai “satu kemenangan bagi rakyat Malaysia”.⁶

Menurut beliau lagi,

“Kejayaan yang diperoleh ini menunjukkan bahawa jika pendekatan musyawarah digunakan dengan semangat hormat-

⁵ Dewan Masyarakat, Mac 2001 : hlmn. 13

⁶ Dewan Masyarakat, Mac 2001 : hlmn. 14

*menghormati dan kesungguhan untuk menjalinkan persefahaman, maka tidak ada masalah yang tidak dapat diselesaikan”.*⁷

Ucapan Pak Lah itu sendiri jelas menunjukkan kepada kita bahawa untuk mewujudkan satu perpaduan kaum khususnya dalam bangsa Melayu itu sendiri, memerlukan agar kita sentiasa berbincang, bertolak-ansur, menghormati keputusan pihak lain dan sebagainya.

Rentetan daripada tuntutan Suqiu untuk menghapuskan perbezaan status bumiputera dan bukan bumiputera dalam semua bidang, seolah-olah telah menggugat perpaduan kaum yang telah lama terbina di negara ini.

*“Banyak perbalahan telah tercetus dan ekoran daripada itu, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) telah mengemukakan pula tuntutan terbuka sebanyak 100 perkara kepada kerajaan dan menganjurkan Perhimpunan Suara Rakyat di beberapa tempat di seluruh negara sebagai bantahan kepada kedegilan Suqiu.”*⁸

Suqiu yang menyatakan tuntutan-tuntutan tersebut yang jelas mengandungi sentimen perkauman, haruslah mengkaji semula latar belakang sejarah negara ini. Segala kestabilan, keharmonian dan perpaduan yang telah terbina selama ini adalah berakar-umbi atau dikecapi melalui sikap toleransi dan kompromi yang telah sama-sama dipersetujui. Jika perpaduan tidak lagi dapat dipertahankan, maka sudah tentunya negara ini akan hancur bersama-sama dengan bangsa itu sendiri.

⁷ Ibid

⁸ Dewan Masyarakat, Mac 2001 : hlmn. 13

Kebijaksanaan haruslah digunakan dalam hal-hal seperti ini kerana, jika tersilap langkah maka padah yang akan menimpa. Mungkin bangsa-bangsa lain menganggap bangsa Melayu suka berpecah-belah misalnya dalam hal-hal politik yang terbahagi kepada kerajaan dan pembangkang. Tetapi hal-hal seperti ini tidak seharusnya dijadikan alasan untuk mengecam bangsa Melayu kerana apa-apa sahaja isu-isu yang menyentuh hak-hak dan soal-soal asas berkenaan kedudukan dan kepentingan orang Melayu, maka ia hanya akan membangkitkan kemarahan bangsa Melayu itu sendiri.

*“Jika kita kembali kepada sejarah, untuk mencapai kemerdekaan negara ini adalah berasal daripada hasil kompromi orang-orang Melayu yang sememangnya bersatu-padu. Begitu juga apabila kerajaan merancang Dasar Ekonomi Baru (DEB), ia dirancang melalui catatan berasaskan latar belakang orang Melayu yang jauh ketinggalan dalam semua bidang”.*⁹

➤ Tersirat mengenai perpaduan Melayu

Bangsa-bangsa lain yang ingin atau cuba menghapuskan hak keistimewaan orang-orang Melayu haruslah mengkaji semula tindakan mereka. Jika dilihat dari segi sejarah. Penghuni asal Tanah Melayu adalah bangsa Melayu itu sendiri. Jadi, hal ini tidak seharusnya dibangkitkan kerana ia hanya akan mencetuskan kemarahan orang-orang Melayu dan seterusnya perpecahan boleh tercetus.

⁹ Massa, 26 OGOS 2000 : hlmn. 24

Bangsa-bangsa lain boleh menyatakan ketidakpuasan hati mereka terhadap apa-apa jua kerana, negara ini mengamalkan demokrasi. Tetapi, biarlah ia diletakkan dalam landasan yang betul. Isu-isu sensitif seperti ini tidak seharusnya dinyatakan secara terbuka kerana ia hanya akan menimbulkan perbalahan dan perpecahan sahaja.

Melalui pemikiran Abdullah Badawi terhadap pandangannya terhadap orang Melayu, kita akan mendapati banyak perkara yang beliau cuba sampaikan sama ada secara tersurat atau tersirat. Apa yang dapat diperhatikan di sini ialah beliau banyak memberikan pandangan yang membina terhadap orang Melayu. Ini dapat dilihat dari pandangan beliau agar orang Melayu lebih berusaha dalam meningkatkan taraf kehidupan khususnya dalam ekonomi agar setanding dengan kaum lain.

Dalam hal ini Abdullah Ahmad Badawi telah menyelar orang Melayu dalam bidang ekonomi. Rancangan-rancangan yang disediakan oleh kerajaan seharusnya disahut dan disambut positif. Orang Melayu perlu merebut peluang yang sedia ada seperti peluang perniagaan dan berbagai-bagai lagi. Kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai kemudahan kepada orang Melayu dan ia akan dapat membantu mereka secara tidak langsung. Namun mereka janganlah leka dengan bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan kerana mereka seharusnya berdiri dan bergantung atas kaki sendiri.

Masyarakat Melayu telah digalakkan agar dapat memberikan komitmen yang tinggi dalam memajukan serta memartabatkan kedudukan mereka dalam negara ini. Persaingan secara

sihat perlu diwujudkan agar jurang yang jauh dengan bangsa lain tidak akan kelihatan ketara. Ini kerana dunia sedang menghadapi globalisasi, oleh itu orang Melayu juga perlu bertindak agar tidak ketinggalan jauh kebelakang.

Beliau juga telah menasihatkan agar orang Melayu berubah dari segi mentaliti. Ia bermaksud orang Melayu perlu berubah dari segi pemikiran mereka. Orang Melayu perlu mengubah pemikiran supaya mereka boleh memberikan komitmen yang tinggi dalam sebarang usaha yang mereka lakukan. Sikap acuh tak acuh dan sambil lewa perlu dibuang kerana ia kan melemahkan orang Melayu dan menyebabkan orang Melayu berada di takuk yang lama.

Sebagai contoh, beliau memberikan penegasan dalam pelbagai bidang yang diceburi oleh orang Melayu. Dalam soal perniagaan beliau menasihatkan agar orang Melayu tidak terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan. Sikap terlalu bergantung ini perlu di kikis agar orang Melayu dapat membina dan mengukur keupayaan mereka sendiri tanpa mengharapkan bantuan dari kerajaan semata-mata.

Selain itu juga orang Melayu juga perlu mengelakkan sikap yang merugikan diri mereka. Sebagai contoh, mereka perlu menjauhkan diri mereka daripada mengamalkan amalan yang boleh menjatuhkan martabat atau kredibiliti mereka sendiri. Orang Melayu perlu menjauhkan diri mereka dari amalan rasuah, jenayah dan perkara-perkara yang lain.

Amalan rasuah dalam kalangan orang Melayu perlu dijauhi kerana ia dianggap bertentangan dengan budaya dan agama orang Melayu sendiri. Amalan rasuah ditegaskan kerana

ia seolah-olah menjual maruah orang Melayu sendiri memandangkan negara ini antara negara yang memiliki undang-undang yang keras terhadap masalah korupsi ini. Sekiranya orang Melayu mengamalkan rasuah ia secara sendirinya akan melemahkan diri mereka sendiri.

Golongan elit yang berpelajaran, terutamanya golongan profesional yang bergaji perlu mengubah perspektif diri supaya lebih bersifat adil dan membantu golongan yang berada di bawah mereka. Amalan korup ini perlu dijauhi oleh mereka agar kredibiliti mereka sebagai orang Melayu yang berpengaruh tidak dipandang serong atau dianggap menjatuhkan maruah bangsa sendiri.

Jenayah dikalangan orang Melayu juga perlu disisihkan memandangkan ia akan melemahkan kedudukan orang Melayu. Jika masalah jenayah dalam kalangan orang Melayu terus berlaku dan terus meningkat, orang Melayu akan menghadapi masalah yang besar pada masa akan datang. Generasi akan datang akan terus mengalami kemunduran dan ketinggalan berbanding kaum yang lain sekiranya masalah jenayah dikalangan orang Melayu terus meningkat.

Bagi mewujudkan persaingan dengan bangsa lain, orang Melayu perlu meningkatkan kemahiran mereka di dalam pelbagai bidang. Banyak bidang yang boleh dipelajari. Kebanyakan kemahiran yang harus dipelajari mestilah mempunyai satu kesungguhan agar orang Melayu dapat menikmati arus kehidupan yang lebih baik berbanding zaman-zaman sebelum ini. Ini penting memandangkan dunia sedang mengalami perubahan setiap hari. Oleh itu orang Melayu juga tidak boleh ketinggalan dengan bangsa lain dalam menikmati arus perubahan ini.

Kemahiran yang ingin diterokai oleh orang Melayu mestilah sejajar dengan arus perubahan dunia agar dapat menentukan arah tujuan perubahan yang cuba mereka tujui. Orang Melayu harus belajar daripada perubahan yang berlaku kerana melalui cara ini mereka akan menguasai teknologi hari ini.

Di dalam bidang pendidikan, orang Melayu perlu mencapai tahap pendidikan yang tinggi. Melalui pendidikan sahaja ia secara tidak langsung dapat mengelakkan jurang antara bangsa lain dalam mencapai kemajuan. Generasi yang akan datang perlu dipertingkatkan pendidikan mereka supaya mereka dapat mengubah nasib bangsa mereka dan merekalah yang akan memartabatkan dan mempertahankan kedudukan orang Melayu.

Para pelajar Melayu mempunyai banyak peluang di negara sendiri untuk belajar pada tahap yang lebih tinggi lagi. Banyak keistimewaan yang diberikan tetapi mereka juga harus belajar agar tidak terlalu bergantung pada pihak kerajaan. Mereka harus berdikari kerana kerajaan telah memberi jalan dan peluang, terpulanglah pada mereka untuk menggunakannya dengan baik dan berfaedah.

Dasar Pendidikan yang disediakan oleh kerajaan seharusnya direbut dan peluangnya diambil oleh bumiputera agar mereka dapat menonjolkan kebolehan mereka di dalam bidang-bidang tertentu. Ini termasuklah sama ada di universiti tempatan mahupun dihantar ke luar negara. Kos yang disediakan oleh kerajaan adalah melibatakn kos yang tinggi dan pengeluaran

kos ini adalah untuk membantu orang Melayu mendapatkan pendidikan yang lebih cemerlang lagi.

Orang Melayu juga telah digalakkan untuk mewujudkan keyakinan dan kepercayaan dalam diri mereka sendiri. Keyakinan adalah penting dalam pembinaan bangsa. Keyakinan itu tidak boleh disalah guna. Kepercayaan perlu dalam mempertingkatkan usaha dalam mencapai kejayaan.

Keyakinan yang cuba dibina mestilah bersandarkan kepada keupayaan yang dimiliki. Bagi mencapai kejayaan dan dalam memartabatkan orang Melayu itu sendiri, orang Melayu perlu sedar bahawa setiap yang dilakukan mesti ada kekuatan dan inilah yang dikehendaki. Orang Melayu dilihat sebagai bangsa yang berpontensi untuk mengorak dengan lebih jauh lagi dalam pelbagai bidang, Setiap perkara yang dilakukan oleh orang Melayu memerlukan keupayaan serta kesungguhan yang tinggi agar apa yang dilakukan dapat memberikan hasil yang benar-benar memuaskan dan membawa keuntungan untuk semua.

Di samping itu juga, orang Melayu perlu bersatu padu di antara satu sama lain. Inilah resepi yang paling penting sekiranya orang Melayu inginkan kedudukan mereka terjamin serta menjadi bangsa yang berjaya seperti bangsa-bangsa lain yang berjaya di dunia ini.

Kesepaduan yang terjalin diantara orang Melayu penting memandangkan ia adalah untuk memantapkan diri mereka sendiri. Mereka perlu mengikis soikap iri hati dan tamak kerana ini akan merugikan dan seterusnya melemahkan nasib orang Melayu.

Jalinan antara orang Melayu juga perlu dikukuhkan agar matlamat untuk menjadi bangsa yang unggul dapat ditonjolkan.

Perpecahan dan berpuak-puak dikalangan orang Melayu perlu disingkirkan kerana ia dianggap merosakkan hubungan dan akan mudah pihak lain campurtangan dan seterusnya cuba ambil alih lalu melemahkan orang Melayu. Orang Melayu mempunyai peluang yang terbuka luas untuk memperbaiki kedudukan mereka. Tetapi mereka perlu lebih rajin berusaha. Kedudukan mereka di dalam negara sendiri akan dapat dikekalkan dan dapat dipertingkatkan supaya mereka tidak terpinggir.

Bagi Datuk Abdullah Ahmad Badawi, masih banyak yang perlu diperbaiki dan dipelajari oleh orang Melayu. Kedudukan yang dimiliki oleh mereka pada hari ini bukanlah satu titik noktah untuk mereka merasa puas hati memandangkan mereka perlu berusaha dan mengubah corak kehidupan mereka kearah yang lebih positif.

Orang Melayu harus memimpin antara satu sama lain dan jangan ada sikap ingin menjatuhkan antara satu sama lain kerana ia merugikan bangsa sendiri. Jika perkara ini berterusan orang Melayu tidak akan mengorak lebih jauh lagi dan tidak akan maju. Mereka seharusnya tahu bahawa maruah orang Melayu perlu dijaga dan didaulatkan supaya tidak menjadi bangsa yang terpinggir satu hari nanti. Orang Melayu perlu menanamkan keyakinan dalam setiap diri mereka. Pelapis atau generasi akan datang perlu dididik dan diasuh dengan nilai-nilai insaniah dan rohaniah agar pemimpin yang terhasil akan datang adalah insan yang berguna dan sentiasa berlandaskan nilai-nilai yang murni.

Orang Melayu seharusnya perlu melakukan banyak perubahan dalam kehidupan mereka sekiranya mahu menjadi bangsa yang berdaulat. Antara yang di perkatakan oleh datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ialah tentang perubahan silap cara pemikiran dan pendekatan dalam semua aspek kehidupan yang dijalani oleh merek. Banyak bidang yang perlu diperkukuhkan oleh mereka dan ini termasuklah dalam bidang ekonomi, poltik, pasaran, teknologi atau modal.

Orang Melayu perlu berhijrah ke arah yang lebih positif dalam menuju kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Agama Islam yang didokong haruslah digunakan dengan sebaik-baiknya agar ia menjadi panduan dalam mengejar perubahan dan impian menjadi bangsa yang berjaya. Mereka perlu menjadikan agama sebagai landasan untuk mereka meniti kejayaan agar kejayaan yang akan dimiliki oleh mereka itu bukanlah kejayaan 'plastik'. Ia seharusnya seimbang bukan sahaja dari segi pembangunan fizikal tetapi juga dari segi kerohanian.

Kekurangan yang dihadapi dalam pembinaan kestabilan orang Melayu perlu diisi dan diperbaiki berlandaskan jalan yang sepatutnya. Jalan menuju ke arah kejayaan perlu dirancang dengan rapi dan sesuai dengan kehendak dan keperluan negara pada masa hadapan agar sesuatu yang di bina itu dapat melambangkan acuan yang direka oleh orang Melayu sendiri.

Oleh itu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah memberikan pandangan-pandangan beliau bahawa orang Melayu perlu mengubah minda, sikap dan pemikiran. Jika ini tidak berlaku, bagaimana nanti orang Melayu dapat membina masa hadapan mereka. Mereka pasti akan ketinggalan dalam mencapai tahap yang tinggi untuk setaraf dengan bangsa lain.

Orang Melayu juga perlu mengambil kesempatan dalam memartabatkan diri mereka dengan memastikan perancangan dan pembinaan dapat dilakukan untuk memberi taraf kehidupan yang lebih terjamin untuk masa akan datang.

MANA/ GEOGRAFI, SKOP DAN ASPEK

Sektor teknologi maklumat atau IT adalah merupakan dunia tanpa sempadan dan kemajuan teknologi maklumat pula hendaklah selari dengan kemajuan syarikat bumiputera supaya dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Penggunaan IT amat penting supaya syarikat bumiputera dapat berinteraksi dengan lebih mudah, cepat dan efisien tanpa pembaziran masa.

Manakala pihak swasta pula harus memainkan peranan dengan kerajaan. Walaupun kerajaan akan mengurangkan pemberian subsidi tetapi kerajaan boleh membantu dengan memberi sokongan dan membantu menyalurkan kepakaran sama ada yang sedia ada dalam negara atau mengambil kepakaran daripada luar supaya syarikat dapat belajar dan membolehkan peningkatan kualiti barangan dan perkhidmatan.

“Abdullah turut menggesa sektor swasta supaya turut memainkan peranan dalam merealisasikan usaha kerajaan mewujudkan asas ekonomi yang kukuh”.¹⁰

Usahawan Melayu dan Syarikat bumiputera pula hendaklah mengurangkan kebergantungan mereka kepada kerajaan untuk mendapatkan kemajuan dan adalah amat wajar tindakan kerajaan untuk mengurangkan pemberian subsidi kepada usahawan Melayu dan

¹⁰ Noraini Abdul Razak, Utusan Malaysia, 22 Februari 2000

syarikat bumiputera supaya mereka dapat bersaing sesama sendiri dan bersaing di peringkat antarabangsa.

Oleh kerana Malaysia sekarang sedang menuju ke arah status negara maju menjelang 2020, sesungguhnya memerlukan barisan kepimpinan muda yang mempunyai idealisme, semangat patriotisme dan sentiasa bersiap sedia untuk bergerak lebih pro-aktif dan tersusun bagi melaksanakan agenda pembangunan untuk rakyat dan negara.

KONTEKS MASA / PERINGKAT-PERINGKAT UTAMA YANG DIKENALPASTI

Peringkat-peringkat utama yang dikenalpasti adalah kajian semula terhadap dasar ekonomi yang melibatkan syarikat bumiputera. Tujuan utama kajian semula ini adalah untuk mengekalkan daya saing yang lebih tinggi. Oleh itu, ia memerlukan suatu tindakan yang berkesan kepada syarikat bumiputera yang berdaya maju dan memerlukan puluan serta bantuan kewangan seperti yang telah dinyatakan oleh Abdullah Ahmad badawi.

Beliau juga telah menggariskan beberapa ciri kepada usahawan Melayu untuk membolehkan setiap usahawan Melayu menjadi seorang yang berjaya, berdaya maju dan berdaya tahan walaupun menghadapi masalah. Antara ciri-ciri tersebut adalah:

- i. Memilih ekonomi yang bersifat pelbagai tetapi moden, cekap, produktif dan berdaya tahan.
- ii. Memiliki ekonomi yang mampu berdiri atas kekuatannya sendiri serta mampu membuat penyesuaian segera.
- iii. Mempunyai jaringan ekonomi yang mantap agar dapat menyaingi negara-negara lain.
- iv. Ekonomi yang digerakkan oleh tenaga moden, kemahiran dan kesungguhan
- v. Memiliki ekonomi yang cekap, sistem teknologi yang canggih serta mampu membuat penyesuaian mengikut peredaran masa.

- vi. Memiliki sifat keusahawanan tulen agar dapat meluaskan serta meningkatkan ekonomi dalam kalangan orang Melayu.

KESIMPULAN

Dalam konteks perbincangan tentang ‘Melayu’ dalam Pemikiran Abdullah Ahmad Badawi ini, beliau banyak megemukakan pandangan-pandangan beliau tentang bangsa Melayu. Antaranya ialah, bangsa Melayu haruslah bersatu padu, sentiasa bermusyawarah, berfikiran jauh ke hadapan dan memartabatkan lagi pendidikan agar tidak ketinggalan dengan bangsa-bangsa lain.

Bagi mengelakkan daripada perpecahan di antara kaum di negara ini, semua bangsa mestilah bersatu-padu dan saling bertoleransi di antara satu sama lain.

“Jika pendekatan musyawarah digunakan dengan semangat hormat-menghormati dan kesungguhan untuk menjalinkan persefahaman, maka tidak ada masalah yang tidak dapat diselesaikan.”¹¹

Bangsa Melayu juga haruslah bertolak ansur dan sama-sama bermuafakat dengan bangsa-bangsa lain agar perpaduan atau integrasi dapat dikecapi dan dikekalkan di negara ini.

BIBLIOGRAFI

<http://www.cipta.com.my/GIMdefault.htm>

¹¹ Dewan Masyarakat, Mac 2001 : hlmn. 14

Dewan Masyarakat, Mac 2001

Utusan Malaysia, 28 Januari 2000

Utusan Malaysia 22 Februari 2000

Massa, 26 Ogos 2000